



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

**Dari muka 4**

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

'Memperkasa Pembelajaran Al-Quran' merupakan tema musabaqah bagi tahun ini, yang antara lain bermaksud Al-Quran adalah kunci ilmu kerana isi kandungannya adalah

bimbingan dan pengajaran yang lengkap untuk sekalian manusia, di samping asas tarbiah yang menyuluh dan mengeluarkan manusia daripada kegelapan.

Selain itu, Al-Quran juga merupakan kepala zikir yang menenangkan hati dan petunjuk yang lurus kerana kandungannya yang lengkap sebagai rujukan yang tidak akan pernah menyesatkan.

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah daripada hakim-hakim dan qari jemputan, Johan Qari dan Johan Qariah juga para peserta Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440H / 2019M.

Setentunya dengan keberangkatan Kebawah DYMM ke majlis musabaqah tersebut

akan terus menyuntik semangat kerja ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan agama, yang mana

ia adalah sentiasa mendapat perhatian berat daripada baginda.



PERSEMBAHAN bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Qari dan Hakim Jemputan dari Republik Indonesia, Haji Dasrizal M.Nainin yang juga merupakan Johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia, Tahun 2013 (kanan); johan qari Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim (kiri) dan johan qariah Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440H / 2019M, Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran (tengah). Sementara gambar kanan, persembahan Sayyidul Istighfar juga turut memeriahkan musabaqah tersebut.



DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



# Jadikan Al-Quran pembelajaran formal dalam sistem pendidikan negara

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Februari.** - Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran adalah dengan signifikannya tersendiri pada mensyiarkan agama rasmi negara yang diamalkan ajarannya, menepati syariatnya serta dikembangkan dalam dinamik kemajuan negara dengan sentiasa memelihara keharmonian bermasyarakat, berbangsa dan bernegara dalam aman sentosa dan sejahtera.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan perkara tersebut dalam sembah alu-aluan pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian

Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1440 Hijrah seterusnya menyembahkan bahawa, selain untuk memuliakan Al-Quran sebagai kitab suci, penghormatan kepada Al-Quran juga ialah dengan menjadikannya pembelajaran secara formal dalam sistem pendidikan negara.

Jelas Yang Berhormat, pembelajaran Al-Quran itu termasuklah untuk memahami

maksud ayat-ayatnya sebagai wahyu Allah yang menjadi panduan hidup sekalian hamba-Nya.

Kerana itu tambahnya, tema musabaqah tahun ini menekankan usaha 'Memperkasa Pembelajaran Al-Quran' yang meliputi memperkasa usaha-usaha memahami kandungan ayat-ayatnya.

Sejauh ini menurutnya, usaha-usaha ke arah itu ialah selain dicapai dengan mempelajarinya sebagai ilmu tafsir Al-Quran di peringkat pengajian tinggi ialah juga dilakukan menerusi siaran radio dan televisyen.

"Dan paling penting disebutkan ialah usaha pihak-pihak pusat pengajian tinggi khususnya Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mengadakan Kursus Tadabbur Al-Quran kepada orang ramai sejak tahun 2016," ujarnya lagi.

Terangnya, dan lebih awal lagi,

iaitu semenjak tahun 2008 ialah Kursus Skim Kefahaman Al-Quran dianjurkan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan pada tahun 2016 hingga sekarang ia diteruskan dengan peserta-pesertanya terdiri daripada kumpulan-kumpulan, persatuan-persatuan, orang ramai dan dalam kalangan penjawat awam juga anggota perkhidmatan beruniform.

Yang Berhormat seterusnya berharap agar Kursus Tadabbur

Al-Quran di UNISSA dan Skim Kefahaman Al-Quran di ITQSHHB yang ada itu akan disusuli lagi dengan usaha pihak-pihak yang lain yang berkecualan, dengan kaedah dan pendekatan yang memberikan kefahaman mengenai ayat-ayat Al-Quran secara tafsir dan tadabbur menurut tema-tema ayatnya (thematical).

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman ketika sembah alu-aluan pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

